



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### KENYATAAN MEDIA SEGERA SARAWAK HARI INI MEREKODKAN ENAM BELAS (16) LAGI KES BAHARU POSITIF COVID-19

#### 1. LAPORAN HARIAN

Sarawak hari ini merekodkan **enam belas (16) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **387 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Daripada 16 kes tersebut, 13 kes telah dirawat di Hospital Umum Sarawak, 2 kes dirawat di Hospital Miri dan 1 kes dirawat di Hospital Bintulu.

Manakala, sebanyak **116 kes baharu Person Under Investigation (PUI)** dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **3,065 kes**. Daripada jumlah itu, **2,419 kes** adalah negatif dan **49 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

Statistik Kes PUI baharu mengikut Daerah.

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Kuching	59
2	Serian	16
3	Miri	16
4	Samarahan	9
5	Bau	4
6	Simunjan	4
7	Bintulu	4
8	Lundu	1
9	Betong	1
10	Julau	1
11	Mukah	1
<b>JUMLAH</b>		<b>116</b>

## **2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP**

Pada hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakkan adalah sebanyak **97%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **142 orang** kerana melanggar PKP.

Sehingga hari ini, sejak tempoh PKP bermula 18 Mac, sebanyak **775 orang** telah ditangkap, **733 orang** telah dikompaun dan **484 orang** telah dituduh di Mahkamah.

### **3. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI PUSAT KUARANTIN**

Pada hari ini terdapat penambahan seramai **14 orang** rakyat Sarawak yang tiba dari luar negara / Semenanjung / Sabah / Labuan menjadikan jumlah keseluruhan seramai **1,091 orang** yang telah ditempatkan di Pusat Survelan sebagai PUS (*Person Under Surveillance*) di Bahagian Kuching, Bintulu, Miri dan Limbang.

### **4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana hari ini telah membuat keputusan-keputusan seperti berikut:

- a) Syarikat-syarikat yang telah diluluskan untuk beroperasi **WAJIB** mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan oleh MITI dan KKM.
  
- b) Permohonan untuk beroperasi hendaklah di hantar kepada Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri. JPBN akan mengkaji permohonan tersebut dengan kementerian dan agensi tertentu untuk dinilai dan dicadangkan sebelum dilulus ataupun di tolak.

c) Di beberapa tempat pihak FAMA telah mencadangkan untuk mengwujudkan beberapa Pasar Tani. Cadangan mereka adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak. Rangkaian penjualan tersebut diwujudkan adalah untuk para penternak, petani dan nelayan dapat memasarkan hasilan mereka serta pengguna dapat memperolehi bekalan makanan yang mencukupi.

Saya juga kagum melihat pertambahan pengguna yang menggunakan perkhidmatan (*e-commerce*) iaitu pembelian melalui di atas talian kerana saya nampak ada beberapa peniaga telah membuka perniagaan mereka melalui aplikasi yang sedia ada.

## **5. RUMUSAN**

Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP 97%. Saya menyeru agar rakyat Sarawak terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan demi mengekang penularan COVID-19 ini daripada terus merebak.

**(STAY AT HOME, STOP THE SPREAD AND SAVE LIFE)**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**16 APRIL 2020**

**5.00 PETANG**

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **1. OPERASI PDRM**

Berikut adalah kes tangkapan harian mengikut Daerah (sehingga 16.04.2020 @ 8.00 pagi).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Serian	28
2	Padawan	21
3	Sibu	18
4	Bintulu	17
5	Kuching	16
6	Kota Samarahan	11
7	Miri	8
8	Sarikei	7
9	Limbang	5
10	Song	4
11	Sri Aman	2
12	Betong	2
13	Meradong	2
14	Lundu	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>142</b>

### **2. SURVEILLANCE CENTER DI HOTEL**

(Data sehingga 16.04.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching	Hock Lee	116
2		Rajah Court Dormani	84

3		Kuching Park	78
4		Pullman	100
5	Miri	Mega	81
6		Somerset	45
7		Ostay Inn	19
8		Cosy Inn	48
9		Imperial Palace	145
10		Eastwood Resort	25
11		Imperial	32
12	Limbang	Purnama	85
13	Bintulu	Wasan Inn	3
14		Park City Everly	230
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,091</b>

### **3.OPERASI PBT DAN NYAHCEMAR**

- i. Seramai 870 kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan tugas semasa PKP dan terdapat 54,610 premis perniagaan dilesen oleh PBT di seluruh negeri Sarawak.
  
- ii. Pada hari ini, sebanyak 16 lokasi operasi nyahcemar telah dilakukan dan bilangan kumulatif lokasi di Bahagian di Sarawak adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	74
2	Miri	52
3	Limbang	16

4	Sarikei	16
5	Bintulu	12
6	Samarahan	11
7	Sri Aman	8
8	Betong	5
9	Sibu	3
10	Serian	1
<b>Jumlah</b>		<b>198</b>

- iii. Secara kumulatif, berikut adalah agensi yang terlibat dalam operasi nyahcemar sehingga 16 April 2020.

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>BILANGAN PETUGAS</b>
1	JBPM	1,537
2	PBT	866
3	KKM	347
4	APM	174
5	RELA	127
6	PDRM	102
7	Pejabat Daerah	35
8	Lain-Lain	69
<b>Jumlah</b>		<b>3,257</b>

#### **4. SYARAT WAJID DARIPADA MITI**

Syarat-syarat wajib yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

1. Syarikat hendaklah mengurangkan bilangan pekerja sebanyak 50% daripada jumlah semasa.
2. Syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan di pintu masuk kilang / premis.
3. Sekiranya suhu badan didapati melebihi paras biasa, syarikat hendaklah menghubungi Pejabat Kesihatan atau Hospital Kerajaan terdekat.
4. Semua pekerja hendaklah mematuhi prosedur pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh KKM.
5. Syarikat hendaklah menyediakan hand sanitizer serta memastikan pemakaian topeng muka oleh setiap pekerja
6. Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kilang / premis.
7. Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan tiga (3) kali sehari.
8. Syarikat hendaklah memastikan kenderaan pekerja telah menjalani proses sanitasi dan pembersihan kuman.
9. Syarikat hendaklah memastikan garis panduan amalan terbaik penjarakkan sosial (social distancing) disediakan dan dilaksanakan.

10. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti COVID-19, syarikat adalah bertanggungjawab menanggung sepenuhnya semua kos perubatan dan lain-lain kos yang berkaitan.